



IKLAN JAWATAN KOSONG
PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk memohon jawatan seperti berikut :

1. (a) Jawatan/ Gred : Juruaudit Gred W44
- (b) Kekosongan : Satu (1) Jawatan
- (c) Agensi : Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia
- (d) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (e) Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan

2. Jadual Gaji Minimum - : W44
Maksimum

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM3,600.00	RM10,456.00	RM250.00

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
 - a) Warganegara Malaysia;
 - b) Berumur tidak kurang 25 tahun dan tidak melebihi 40 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - c) Kelayakan masuk:
 - (i) Ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

- (iii) Ahli Penuh Badan-Badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan; atau
- (iv) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan serta menjadi Ahli Penuh Badan-Badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan; atau
- (v) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia

d) Mempunyai Pengalaman :

- (i) berkhidmat sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** di jawatan Juruaudit Gred W41 pada tarikh iklan ditutup; atau
- (ii) mempunyai sekurang-kurangnya **empat (4) tahun** sebagai Juruaudit di sektor swasta; atau
- (iii) mempunyai sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** pengalaman mengendalikan, mengaudit dan menyediakan draf Laporan Audit, Akaun-akaun Jabatan dan menjalankan pelbagai jenis pengauditan dalam Perancangan Audit Tahunan dan pengauditan Khas.

4. Deskripsi Tugas : Mengendalikan, mengaudit dan menyediakan Laporan Audit, Akaun-akaun Jabatan dan menjalankan pelbagai jenis pengauditan dalam Perancangan Audit Tahunan dan Pengauditan Khas.
5. Taraf Jawatan : **Tetap**
6. Penaklukan di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan bagi jawatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
7. Elaun : (a) Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA);
(b) Imbuhan Tetap Perumahan (ITP); dan
(c) Bantuan Sara Hidup (BSH).

8. Kemudahan : (a) Cuti Rehat; dan
(b) Faedah Rawatan Perubatan Kerajaan.
9. Cara Memohon (a) Borang permohonan secara manual boleh diperoleh di Cawangan Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan, PTPK atau
(b) Permohonan melalui atas talian dari laman web JobsMalaysia di ***www.jobsmalaysia.gov.my***;
(c) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga;
(d) Calon dikehendaki membawa dokumen asal dan salinan yang telah disahkan semasa temu duga;
(e) Segala kos berkaitan dengan permohonan dan temu duga jawatan tersebut adalah tanggungjawab calon; dan
(f) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh tutup permohonan dianggap tidak berjaya.
10. Tarikh tutup permohonan : **21 Julai 2016 (Jumaat)**
Jam 12.00 tengah hari
11. Penghantaran Permohonan Permohonan secara manual yang telah lengkap hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:

Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
Aras 19, Menara Dato' Onn
Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)
No. 45, Jalan Tun Ismail
50530 Kuala Lumpur
(u.p.: Cawangan Pengurusan Sumber Manusia)
12. Pertanyaan Lanjut Sila : 03-4047 6096 / 03-4047 6163 / 03-4047 6099
Hubungi